

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
5-7	SEMUA INSTITUSI MARA AKAN DITEKANKAN ASAS AGAMA, FARDHU AIN	1 OKTOBER 2024	BERITA HARIAN
8-10	WUJUDKAN SOKONGAN KEWANGAN MAMPAN KEPADA MAHASISWA	3 OKTOBER 2024	BERITA HARIAN
11-13	PERMOHONAN PROGRAM SIJIL, DIPLOMA UNTUK POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI DIBUKA HINGGA 4 NOVEMBER	5 OKTOBER 2024	METRO
14-16	JS-SEZ BAKAL WUJUD LEBIH 100,000 PELUANG PEKERJAAN GAJI TINGGI	6 OKTOBER 2024	METRO
17-18	KPT AKAN PASTIKAN CAPAIAN INTERNET DI IPTA PADA TAHAP TERTINGGI	6 OKTOBER 2024	METRO
19-23	PENDIDIKAN LESTARI MAMPU WUJUDKAN MASA DEPAN BEBAS KEMISKINAN	8 OKTOBER 2024	BERITA HARIAN
24-26	PELAJAR POLITEKNIK PORT DICKSON RAIH ANUGERAH FIRA	9 OKTOBER 2024	UTUSAN MALAYSIA
27-29	TVET DI MATA PELAJAR	9 OKTOBER 2024	UTUSAN MALAYSIA

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
30-32	BELANJAWAN 2025: PERKASA TVET DALAM KALANGAN ORANG ASLI	11 OKTOBER 2024	METRO
33-35	14 BAKAT MUDA LANJUTKAN LATIHAN TVET DI CHINA	13 OKTOBER 2024	SINAR HARIAN
36-38	KERJASAMA ERAT DALAM TVET, INDUSTRI HALAL PERKUKUH HUBUNGAN MALAYSIA-FILIPINA	16 OKTOBER 2024	METRO
39-40	BELANJAWAN 2025: PERUNTUKAN KPT DINAIKKAN KEPADA RM18 BILION	18 OKTOBER 2024	BERITA HARIAN
41-44	KPT DAPAT PERUNTUKAN RM18 BILION, 100,000 PELAJAR UA LAYAK BUKA AKAUN ASNB	18 OKTOBER 2024	BERITA HARIAN
45-47	BELANJAWAN 2025: GERAN PER KAPITA TVET DITINGKATKAN 15 PERATUS	18 OKTOBER 2024	METRO
48-50	KERAJAAN TINGKATKAN PERUNTUKAN TVET KEPADA RM7.5 BILION	18 OKTOBER 2024	METRO
51-53	BELANJAWAN 2025: DANA TVET MENINGKAT KEPADA RM7.5 BILION	19 OKTOBER 2024	BERNAMA

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
54-56	PENYEDIAAN DANA PEMBIAYAAN PENDIDIKAN STEM BANTU LAHIR GRAD- UAN BERKEBOLEHAN	19 OKTOBER 2024	BERNAMA
57-59	KEPENGKERUSIAN ASEAN 2025: MALAYSIA AKAN ANJUR PERTANDINGAN TVET	19 OKTOBER 2024	BERNAMA
60-62	POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI AKAN TAWAR KURSUS JANGKA PENDEK TEKNOLOGI AI, IOT DAN ROBOTIK	20 OKTOBER 2024	BERITA HARIAN
63-64	KKDW LULUS RM24 JUTA WUJUD UNIVERSITI TVET	20 OKTOBER 2024	METRO
65-67	BELANJAWAN 2025 PERKUKUH PEMBANGUNAN TVET, TINGKAT KERJASA- MA SEKTOR SWASTA	20 OKTOBER 2024	BERNAMA
68-74	RUANG LUAS PERKASA TVET	21 OKTOBER 2024	METRO
75-77	SKMM DIMINTA TURUN PADANG PERIKSA LIPUTAN INTERNET DI IPTA	23 OKTOBER 2024	BERITA HARIAN
78-80	ENAM KERETA ELEKTRIK CHINA DIAGIH KE INSTITUSI TVET	27 OKTOBER 2024	SINAR HARIAN

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
81-83	ANAK PENGAWAL KESELAMATAN PENERIMA ANUGERAH DIRAJA PTSS	27 OKTOBER 2024	BERNAMA
84-86	TVET PENTING PENUHI KEPERLUAN PASARAN KERJA	27 OKTOBER 2024	BERNAMA
87-89	BAUCAR BUKU FASA KEDUA PELAJAR IPT BERMULA 30 OKTOBER	28 OKTOBER 2024	BERNAMA
90-91	PELAJAR IPT BOLEH MOHON BAUCAR BUKU RM100 BERMULA HARI INI	30 OKTOBER 2024	BERNAMA

BERITA HARIAN

1 OKTOBER 2024

BERITA HARIAN | SEMUA INSTITUSI MARA AKAN DITEKANKAN ASAS AGAMA, FARDHU AIN

Semua institusi MARA akan ditekankan asas agama, fardu ain - Asyraf Wajdi

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - Oktober 1, 2024 @ 12:29pm
bhnews@bh.com.my



Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki

KUALA LUMPUR: Semua institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) akan ditekankan asas agama dan fardu ain seperti Tahsin solat, kata Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Beliau berkata, hampir 100,000 pelajar yang tidak melalui pendidikan arus perdana atau kumpulan 'drop-out' atau tercicir yang diberi peluang menyambung pengajian seperti di GiatMARA perlu mempunyai aspek asas agama.

Katanya, ia susulan kerajaan mula mengarusperdanakan dasar TVET, di mana Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) adalah setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Terkejut saya apabila ada segelintir pelajar yang masuk GiatMARA dan Institut Kemahiran MARA (IKM) apabila diuji syahadah dan solat tunggang-langgang," katanya menerusi hantaran di Facebook.

Justeru, Asyraf Wajdi berkata, beliau sudah meminta Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan MARA untuk mewujudkan jawatankuasa menggubal modul khas agama bagi memantapkan dan memperkasakan asas agama termasuk akidah dan fardu ain.

Katanya, perlu juga ditambah dengan kemahiran asas seperti pengurusan jenazah sebagai kemahiran tambahan yang boleh menjadikan mereka bermanfaat di dalam komuniti masyarakat di lokaliti masing-masing.

"Modul ini boleh dimasukkan dalam kurikulum TVET di semua institusi pendidikan MARA seperti GIATMARA, IKM, Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Malaysian-Japanese Industrial Institute dan German Malaysia Institute.

"MARA mahu melahirkan generasi TVET yang holistik dan seimbang teradun dengan empat elemen RISE (Religion, Innovation, Skill and Entrepreneurship) Insya-Allah," katanya.

BERITA HARIAN

3 OKTOBER 2024

BERITA HARIAN | WUJUDKAN SOKONGAN KEWANGAN MAMPAN KEPADA MAHASISWA

Wujudkan sokongan kewangan mampan kepada mahasiswa

Oktober 3, 2024 @ 10:20am



 **Minda**
Pengarang

"Pendidikan adalah senjata paling ampuh untuk mengubah dunia," kata Nelson Mandela, sekali gus mengingatkan peranan besar pendidikan dalam membentuk individu dan masyarakat. Sejak awal minggu ini, pelajar baharu peringkat sarjana muda mula mendaftar masuk ke universiti awam (UA) yang peluang itu perlu dimanfaatkan sebagai langkah penting ke arah perubahan diri dan masa depan negara.

Universiti bukan sekadar medan untuk mendapatkan ijazah, bahkan ruang untuk pelajar memanfaatkan keilmuan dan kepakaran profesor serta ahli akademik terutama yang menjadi rujukan antarabangsa, mempertajam pemikiran kritis dan inovatif, mengembangkan kemahiran insaniah termasuk kepemimpinan serta membina jaringan. Kita berharap puluhan ribu pelajar baharu memahami kejayaan di universiti tidak hanya bergantung kepada pencapaian akademik, tetapi juga sejauh mana terbabit dalam pelbagai aktiviti keilmuan dan kemahasiswaan yang mampu membentuk keperibadian seimbang.

Dalam konteks ini, universiti menyediakan platform bagi mahasiswa untuk tidak sekadar menjadi golongan pendesak lantang, bahkan kelompok mampu memberikan kritikan membina disertai dengan cadangan penyelesaian realistik terhadap pelbagai isu dihadapi negara yang bakal mereka warisi. Sebagai pewaris masa depan, mahasiswa sepatutnya memainkan peranan lebih besar dalam menawarkan pandangan kritis terhadap dasar kerajaan, isu ekonomi dan sosial serta cabaran global seperti dilakukan rakan mereka di negara Barat yang kini menggerakkan suara solidariti dengan Palestin dan anti rejim Israel.

Pada masa sama, universiti juga perlu diingatkan ia bukan kilang sekadar mengeluarkan pekerja untuk pasaran kerja, sebaliknya institusi ini bertanggungjawab membina dan membentuk manusia boleh menyumbang secara holistik kepada pembangunan negara. Mahasiswa perlu dibimbing untuk mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing, sekali gus dilengkapi kemahiran insaniah tinggi.

Kita mengakui cabaran dihadapi mahasiswa bukan sekadar dalam dewan kuliah, bahkan kos sara hidup yang meningkat hingga memberi tekanan tambahan kepada pelajar, terutama mereka daripada keluarga berpendapatan rendah dan menengah. Kos pendidikan tidak terhad kepada yuran pengajian, bahkan merangkumi keperluan asas seperti makan minum, penginapan, pengangkutan dan peralatan pembelajaran.

Oleh itu, kerajaan perlu memandang serius aspek kebajikan pelajar dengan menyediakan mekanisme sokongan kewangan mampan yang tugas ini bukan hanya boleh diletakkan ke atas Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan universiti, bahkan merentas kementerian dan pelbagai instrumen seperti wakaf, zakat serta endowmen. Usaha ini perlu dilaksanakan secara proaktif agar tiada pelajar tercicir hanya kerana kekangan kewangan. Kita tidak mahu tindakan diambil berbentuk seperti 'pahat dengan penukul' dengan menunggu hingga berlaku insiden pelajar lapar atau berdepan masalah kewangan kritikal.

Kita yakin sekiranya semua pihak menyedari peranan dan tanggungjawab masing-masing, proses pendidikan tinggi dilaksanakan hingga berupaya menghasilkan kesan optimum terutama melahirkan siswazah memiliki keilmuan dan kepakaran serta berketrampilan dan mempunyai kemahiran insaniah yang dapat menyumbang kepada pemulihan serta pembangunan negara.

METRO

5 OKTOBER 2024

MY METRO | PERMOHONAN PROGRAM SIJIL, DIPLOMA UNTUK POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI DIBUKA HINGGA
4 NOVEMBER

Permohonan program sijil, diploma untuk Politeknik dan Kolej Komuniti dibuka hingga 4 November

BERNAMA



POLITEKNIK

Putrajaya: Permohonan kemasukan pelajar bagi sesi II 2024/2025 ke program sijil dan diploma di 36 politeknik dan 103 kolej komuniti dibuka bermula semalam sehingga 5 petang, 4 November ini, menurut Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

JPPKK dalam kenyataan hari ini memaklumkan semua permohonan melalui e-Borang MyPolyCC boleh dibuat di pautan <http://ambilan.mypolycc.edu.my>.

“Permohonan dibuka kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), lulusan Sijil Politeknik, Sijil Kolej Komuniti dan lulusan Sijil Vokasional Malaysia (Kolej Vokasional).

"Ia turut dibuka kepada lulusan sijil Institut Kemahiran Tinggi Perda (Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang), lulusan sijil Institut Kemahiran Mara, lulusan sijil Institut Pertanian Malaysia dan Lulusan Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 3)," menurut JPPKK.

JPPKK memberitahu permohonan itu juga dibuka kepada murid yang tamat pengajian tingkatan lima di sekolah pendidikan khas bagi kemasukan ke 13 program Sijil Khas Kemahiran untuk murid orang kurang upaya (OKU) yang ditawarkan di lima politeknik dan 12 kolej komuniti.

"Pelawaan ini terhad kepada kumpulan murid kategori masalah pendengaran dan pembelajaran sahaja," menurut JPPKK sambil menambah pemilik sijil Apel (Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu) turut dipelawa memohon.

Menurut JPPKK, sebanyak 12,000 tempat disediakan dalam pelbagai bidang pengajian bagi sesi berkenaan dan tarikh pendaftaran pelajar baharu adalah pada 6 Januari 2025.

Disiarkan pada: Oktober 5, 2024 @ 10:12am

METRO

6 OKTOBER 2024

MY METRO | JS-SEZ BAKAL WUJUD LEBIH 100,000 PELUANG PEKERJAAN GAJI TINGGI

JS-SEZ bakal wujud lebih 100,000 peluang pekerjaan gaji tinggi

Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my



AZNAN Tamin di Majlis Konvokesyen Politeknik Ibrahim Sultan ke-29 di sini hari ini.

Pasir Gudang: Kerajaan negeri menyasarkan lebih 100,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi akan diwujudkan di bawah Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) antara Malaysia dengan Singapura.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan negeri Aznan Tamin berkata, purata gaji yang bakal ditawarkan bermula RM3,000 hingga dijangka mencecah lebih RM15,000.

Menurutnya, kerajaan negeri yakin Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menjadi pemacu utama dalam melahirkan tenaga mahir tempatan sekali gus mampu mengisi peluang pekerjaan ditawarkan kelak.

Katanya, buat masa ini sebanyak 108 institusi TVET bekerjasama dengan jawatankuasa bersepadu yang dikenali sebagai Majlis Pembangunan Bakat Johor (JTDC).

JTDC adalah peneraju kepada anak muda Johor dan menjadi platform untuk menggabungkan antara pihak industri dan institusi pendidikan agar peka dengan keperluan industri.

Malah, JDTC dalam proses mengadakan rundingan dengan syarikat swasta bagi memastikan gaji ditawarkan menerusi JS-SEZ adalah pada tahap premium dan lumayan.

"Kita mahu anak Johor merebut peluang pekerjaan yang menawarkan gaji 'premium' demi membina masa depan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Konvokesyen Politeknik Ibrahim Sultan ke-29, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah Kanan (Kompetensi) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Ts Abdul Razak Sabtu dan Pengarah Politeknik Ibrahim Sultan, Ulaimi Yahya.

Aznan berkata, Johor akan menjadi 'muara' kepada segala limpahan peluang ekonomi dan kerjaya dari negara jiran berkenaan.

"Johor akan mengalami pertumbuhan pesat berbanding negeri lain dalam tahun akan datang dan berkat kerjasama erat kerajaan negeri dan pusat, kita berpotensi untuk menjadi antara negeri termaju di negara ini.

"Dalam kurang dua tahun, Johor menarik pelaburan berjumlah RM113.7 bilion dan menghasilkan lebih 35,000 peluang pekerjaan baharu.

"Bagaimanapun, harus saya tegaskan bahawa dalam hidup ini, jika tidak dipecahkan ruyung, kita tidak dapat sagunya, pengayuh sayang dibasahkan, tidak akan sampai ke seberang," katanya.

Perjanjian Bersama JS-SEZ antara Malaysia dengan Singapura dijadualkan ditanda tangani pada 8 Disember ini.

Disiarkan pada: Oktober 6, 2024 @ 2:59pm

METRO

6 OKTOBER 2024

MY METRO | KPT AKAN PASTIKAN CAPAIAN INTERNET DI IPTA PADA TAHAP TERTINGGI

KPT akan pastikan capaian internet di IPTA pada tahap tertinggi

BERNAMA



GAMBAR hiasan

Sintok: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berusaha memastikan capaian Internet di semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berada pada tahap tertinggi.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata, KPT sedang bekerjasama dengan pihak berkaitan, seperti yang diarahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang mahu isu kelemahan capaian Internet di Ipta diselesaikan segera.

"Perdana Menteri ingin memastikan semua Ipta dan politeknik dilengkapi dengan capaian internet yang tinggi. Ini bermakna bukan sekadar ada, tetapi ia perlu konsisten... kadang-kadang ada, kadang-kadang tidak.

"Paling penting, capaian Internet yang optimum membolehkan proses penyelidikan dan pembelajaran di universiti berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri program In Person With Doc Zam di Dewan Mu'adzam Shah, di Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, malam tadi.

Disiarkan pada: Oktober 6, 2024 @ 9:04am

BERITA HARIAN

8 OKTOBER 2024

BERITA HARIAN | PENDIDIKAN LESTARI MAMPU WUJUDKAN MASA DEPAN BEBAS KEMISKINAN

Pendidikan lestari mampu wujudkan masa depan bebas kemiskinan

Oleh Prof Madya Dr Shamsul Arrieya Ariffin - Oktober 8, 2024 @ 8:30am
bhrencana@bh.com.my



Gambar hiasan. - Foto NSTP

KEMISKINAN adalah ancaman kepada manusia dan atas faktor ini, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) menggariskan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) bagi menoktahkan kemiskinan global.

Seiring aspirasi ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menggariskan strategi untuk mengurangkan kemiskinan berdasarkan penggunaan Pendapatan Boleh Guna Bersih (NDI) sebagai penunjuk utama bagi menyasarkan bantuan dan memastikan pengagihan lebih adil dalam menangani kemiskinan dan memahami kumpulan sasaran.

Strategi ini bertujuan meningkatkan kecekapan dan kemampunan program pembasmian kemiskinan, termasuk penggunaan teknologi digital bersepadu. Di Malaysia, pembangunan kemahiran dan teknologi berpotensi menoktahkan kemiskinan, terutama di kawasan luar bandar.

Menerusi Revolusi Perindustrian 5.0 (IR 5.0) dan Masyarakat 5.0, negara boleh memupuk minda serta sikap menggalakkan pertumbuhan masyarakat serta individu secara bersasar dan penjanaan pendapatan, termasuk kelestarian pendidikan ilmu pengetahuan.

Penyediaan individu mempunyai kemahiran, sikap dan teknologi serta penguasaan bidang kemahiran seperti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) memastikan kemiskinan dapat dinoktahkan.

Selain itu, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dirangka untuk menyediakan kumpulan B40 dengan alat digital, latihan kemahiran dan pendidikan diperlukan untuk menambah rezeki. Ia menggariskan kepentingan memupuk sikap positif terhadap keusahawanan, peningkatan diri dan pembelajaran sepanjang hayat.

Perluas program TVET

Pada masa sama, dengan memperluaskan program TVET, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berada di barisan hadapan dalam menyediakan rakyat Malaysia untuk menghadapi cabaran IR 5.0.

Program ini melengkapkan pelajar dengan kemahiran diperlukan untuk berjaya dalam ekonomi digital. Pelajar daripada latar belakang berpendapatan rendah dijamin mendapat akses kepada pendidikan tinggi melalui program bantuan kewangan seperti Tabung Pendidikan B40.

Inisiatif ini bukan sahaja memberikan pengetahuan bahkan potensi untuk mengatasi halangan sosioekonomi dan menjana kekayaan. Pendidikan dalam talian, platform keusahawanan digital dan sumber celik kewangan ke kawasan luar bandar melalui Rangkaian Digital Nasional (JENDELA), dapat meningkatkan sambungan internet di seluruh negara seterusnya dapat dimanfaatkan untuk menjana ilmu dan pendapatan.

Inisiatif Malaysia untuk menyepadukan penjanaaan kekayaan, penanaman minda positif dan pembangunan kemahiran adalah konsisten dengan SDG UNESCO, dengan penekanan khusus pada SDG 1 (Tiada Kemiskinan) dan SDG 4 (Pendidikan Berkualiti).

Kepentingan pendidik dan institusi dalam pembangunan keusahawanan, kebolehsuaian dan pembelajaran sepanjang hayat digariskan dengan sambutan Hari Akademia Negara pada Sabtu lalu.

Korea Selatan, Finland perlu jadi contoh

Korea Selatan muncul sebagai peneraju global dalam ekonomi digital dengan memupuk minda nasional mengutamakan inovasi, keusahawanan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Sistem pendidikan Finland yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, adalah contoh utama bagaimana pendidikan boleh mengurangkan kemiskinan dan menggalakkan penjanaaan kekayaan dengan mengutamakan ekuiti, pembelajaran peribadi dan pembangunan kemahiran.

Pada masa sama, kadar kemiskinan Finland adalah rendah kerana penekanan negara itu pada kebolehsuaian, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah dalam kalangan penduduknya menerusi pemer-kasaan pendidikan holistik serta bersasar.

Berpandukan pengalaman dan rekod berkenaan, Malaysia boleh mewujudkan masa depan bebas kemiskinan menerusi peningkatan pendidikan bermatlamat untuk memastikan setiap rakyat meningkatkan kehidupan mereka, menyumbang kepada kemakmuran negara, dan akhirnya membasmi kemiskinan.

Apa yang penting, kesedaran membasmi dan menoktahkan kemiskinan perlu wujud untuk memperbaiki kehidupan menerusi kempen pendidikan sepanjang hayat secara berterusan.

Penulis adalah Ahli Bersekutu Majlis Profesor Negara (MPN)

UTUSAN MALAYSIA

9 OKTOBER 2024

UTUSAN MALAYSIA | PELAJAR POLITEKNIK PORT DICKSON RAIH ANUGERAH FIRA

Pelajar Politeknik Port Dickson raih Anugerah FIRA



PELAJAR bersama hadiah kemenangan masing-masing iaitu (dari kiri) Karthik a/l Satiyasilan Letchmy Narayani dan Muhamad Syawal Saharudin.

Pasukan Robotics Interest Groups (RIG) daripada [Politeknik Port Dickson](#) (PPD) baru-baru ini meraih anugerah 'Best Technical Startup' (Kategori Startups PRO) dalam Cabaran Persekutuan.

Persatuan Robotik Antarabangsa (FIRA) Innovation and Business di FIRA Roboworld Cup & Summit 2024 yang diadakan di Brazil, baru-baru ini.

Jurulatih PPD, Deenesh Kumar Nalathambi berkata, kejohanan tersebut telah berkembang menjadi platform utama dalam dunia robotik.

“Sukan digunakan sebagai penanda aras bagi kemajuan penyelidikan dalam bidang ini telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada kemajuan masyarakat.

“Kategori FIRA Challenge: Innovation and Business ini menitikberatkan aspek model perniagaan serta potensi pengkomersialan produk, iaitu setiap pasukan perlu mengemukakan model perniagaan yang mantap untuk projek mereka,” katanya

Tambah Deenesh, kemenangan tersebut mengukuhkan lagi kedudukan institusi sebagai peneraju Pendidikan“Ini mencerminkan keupayaan dan bakat luar biasa pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC).

“Ia juga selaras dengan tema horizon baharu POLYCC iaitu “POLYCC Pemacu Negara MADANI”,” katanya. Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Pertandingan yang diadakan secara hibrid ini mempertandingkan projek pelajar iaitu Muhamad Syawal Saharudin, Karthik Satiyasilan, dan Letchmy Narayani dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) di bawah seliaan Khairuhisham Ramly.

Sementara itu, ketua kumpulan RIG, Syawal Saharuddin berkata, DB-PRO (Distribution Box Protector), adalah hasil inovasi pelajar semester akhir.

“Ia berfungsi sebagai “komponen keselamatan automatik” untuk kotak agihan elektrik di rumah kediaman dalam situasi kebocoran gas atau litar pintas.

“Sistem tersebut dibina dengan peralatan Aduino dan sensor gas yang dilengkapi dengan servo tower yang bertindak untuk menurunkan suis utama pada papan agihan apabila sensor menerima signal,” jelasnya. – [UTUSAN](#)

UTUSAN MALAYSIA

9 OKTOBER 2024

UTUSAN MALAYSIA | TVET DI MATA PELAJAR

TVET di mata pelajar



Oleh Laupa Junus 9 Oktober 2024, 6:30 am

**FORUM
CERDAS
BERNAS**


UTUSAN Pelajar mempelawa pembaca berkecuali pandangan dan perasaan mereka terhadap sesuatu isu atau topik pilihan setiap minggu menerusi ruangan Forum Cerdas Bernas (FCB). Surat terbaki akan dsarkan dengan pendapat bersama gambar masing-masing. Setiap penyertaan mestilah lengkap diisi dengan nama penuh, nama sekolah dan umur beserta gambar masing-masing yang dihantar dalam format jpeg

dan panjang tidak lebih 60 patah perkataan. Hantar penyertaan anda ke utusanpelajar@mediamulia.com.my.

Topik minggu ini: Mengapa ibu bapa perlu galak anak ceburi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)?

Minggu depan: **MASIHKAH RELEVAN AKTIVITI KOKURIKULUM? KENAPA?**

Mengapa ibu bapa perlu galak anak ceburi TVET?

IBU bapa perlu menggalakkan anak menceburi TVET kerana dalam dunia yang semakin mencabar, persaingan dalam bidang kerjaya semakin tinggi. Jadi, kemahiran dalam bidang TVET boleh dijadikan sebagai nilai tambah kepada anak muda untuk bersaing di pasaran kerja. Kemahiran dalam TVET juga membolehkan anak muda membina kerjaya sendiri tanpa perlu bergantung kepada majikan. Anak muda boleh membuat pilihan sama ada ingin menimba pengalaman dengan bekerja dengan majikan mahupun mengusahakan perniagaan sendiri.

**SASHA NICOLE YUNCHOI
(11 TAHUN)
SJKC Yuh Yin Keningau,
Sabah**



SAYA berpandangan ibu bapa perlu menggalakkan anak menceburi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kerana bidang tersebut menawarkan laluan alternatif kepada pelajar yang mungkin tidak berminat dalam pendidikan akademik konvensional supaya berpeluang memperoleh kemahiran teknikal yang relevan dengan pasaran kerja.

Hal ini juga dapat membantu pelajar mempersiapkan diri untuk alam pekerjaan menerusi latihan dan kemahiran TVET sebaik sahaja tamat sekolah



GALAKAN ibu bapa terhadap bidang TVET untuk memperlempangkan anak masing-masing dengan kemahiran praktikal dan pengetahuan teknikal seperti teknologi maklumat, kejuruteraan, perkhidmatan, kesihatan, pertanian dan sebagainya.

Ibu bapa yang memahami anak mereka tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi bertukar pencapaian akademik yang rendah sudah tentu memfokuskan TVET untuk mengasah bakat anak masing-masing dengan peluang

latihan bercorak amali dan praktikal berorientasikan pekerjaan.

Sekurang-kurangnya ibu bapa berharap anak mereka memperoleh kemahiran bidang tertentu menerusi TVET sebagai bekalan untuk melakukan pekerjaan sendiri di tempat tinggal masing-masing seperti automotif, pertanian, jahitan dan sebagainya yang boleh menjana pendapatan agak lumayan.

**MUHAMMAD ZAFRAN AQIL
NORHISHAM
(16 TAHUN)
SMK Pulau Tawar, Jerantut**



tanpa perlu menunggu untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi.

Galakan ibu bapa juga supaya anak mereka menceburi TVET peluang bagi menjana pendapatan lebih awal selepas menerima latihan bidang tertentu khususnya membantu menyumbang pendapatan keluarga serta pertumbuhan sektor ekonomi negara.

**AMIR JAZIMIN
MOHD JUSNI
(16 TAHUN)
SMK Kota Gelanggi
Dua, Jerantut**

SAYA berpendapat ibu bapa perlu menggalakkan anak masing-masing menyertai bidang TVET bagi menyediakan sumber manusia dengan kemahiran yang boleh memenuhi pasaran pekerjaan yang stabil serta memperoleh pendapatan agak baik sama ada bekerja sendiri atau sektor awam.

Ibu bapa semakin serius mendorong anak mereka menyertai TVET berasaskan cabaran dunia moden apabila negara ini memerlukan ramai sumber manusia yang berkemahiran tinggi supaya mampu menyertai pelbagai sektor pekerjaan seiring dengan pembangunan yang kian rancak selain negara perlu bersaing dengan negara lain.

Menceburi bidang perlu TVET kerana ibu bapa tidak mahu anak masing-masing membuang masa dan

terjejak dengan aktiviti yang tidak berfaedah selepas tamat sekolah menengah sekurang-kurangnya mempunyai satu kemahiran yang boleh menjana pekerjaan bagi meningkatkan kualiti hidup dan keluarga mereka.

**NURUL HIDAYAH SUHAIMI
(16 Tahun)
SMK Pulau Tawar, Jerantut**



TVET bermaksud pendidikan dan latihan teknikal vokasional. Pada pendapat saya, ibu bapa perlu menggalakkan anak mereka menceburi bidang ini. Terdapat kepelbagaian skop bidang yang mampu menarik minat antaranya kesihatan, pembinaan, pembuatan dan pertanian.

Secara peribadi saya mementingkan bidang pertanian berkaitan rapat dengan pokok, tumbuhan dan buah. Bagaimana hendak menguruskan serta melihat keberhasilannya.

Selain itu dengan kaedah kemahiran dan praktikal yang dipelajari menerusi TVET, kita dapat mengaplikasikan sepanjang hayat. TVET juga mampu melahirkan

tenaga kerja yang efisien, berdaya saing dan berkualiti tinggi suatu hari nanti.

**NUWAIATUL IMTIYAZ
MOKHLIS MURSYID
(8 TAHUN)
SK Sungai Limau,
Sungai Besar, Selangor**



PETALING JAYA: Pelajar amat setuju supaya bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) diperkukuhkan supaya pelajar dilengkapi kemahiran teknikal sebelum menceburi bidang pekerjaan.

Dengan itu mereka berharap supaya ibu bapa memainkan peranan penting menggalakkan anak mereka menceburi bidang berkenaan.

Ini kerana mereka sependapat bidang kemahiran semakin penting dan berguna dalam kemajuan kerjaya akan datang. – [UTUSAN](#)

METRO

11 OKTOBER 2024

MY METRO | BELANJAWAN 2025: PERKASA TVET DALAM KALANGAN ORANG ASLI

Belanjawan 2025: Perkasa TVET dalam kalangan Orang Asli

BERNAMA



FOTO HIASAN. FOTO SAIRIEN NAFIS

Gua Musang: Masyarakat Orang Asli Kelantan berharap kerajaan memberi tumpuan kepada pembangunan sumber manusia dalam kalangan komuniti itu, khususnya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam Belanjawan 2025.

Penghulu Kampung Lambok, Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kuala Betis, Andi Angah, 44, berkata, pemerkasaan Orang Asli melalui TVET adalah sangat penting untuk memastikan komuniti, terutama generasi muda, dapat maju seiring dengan perkembangan teknologi dan pemodenan negara.

"Saya harap kerajaan dapat memperbanyakkan lagi program motivasi dan pendidikan kemahiran kepada generasi muda Orang Asli dalam meningkatkan kualiti hidup mereka.

"Ibu bapa dalam kalangan komuniti ini juga perlu diberi penerangan mengenai kepentingan ilmu supaya mereka dapat menggalakkan anak-anak mereka untuk terus menuntut ilmu," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Nari Abus, 48, dari Pos Bihai, yang bersetuju dengan pandangan Andi Angah, pula berkata melalui TVET, anak-anak Orang Asli berpeluang memperoleh pekerjaan berasaskan kemahiran atau bekerja sendiri untuk menjana

"Ramai dalam kalangan masyarakat kami, terutama golongan wanita, memiliki minat dalam bidang dandanan, gunting rambut, solekan, dan masakan.

"Malah, kaum lelaki pula suka membaiki motosikal dan kereta. Jadi, bagi saya, kemahiran seperti ini perlu diperkasakan supaya mereka yang tidak mahu berhijrah keluar dari kampung dapat mengusahakan bidang yang mereka ceburi," katanya

Norasyikin Uda, 46, dari suku kaum Temiar pula berkata program-program pendidikan kemahiran amat sesuai diberikan kepada generasi muda supaya mereka boleh menggunakan kemahiran bekerja dan tidak hanya duduk menganggur di kampung.

"Sebenarnya, mereka perlu berhijrah ke tempat lain untuk mendapatkan pekerjaan. Namun, disebabkan masalah kurang keyakinan diri, mereka lebih selesa berada di kampung dan hanya mengharapkan beberapa jenis pekerjaan yang ada, seperti menoreh getah dan menjadi buruh," katanya

Belanjawan 2025 yang bertemakan "Ekonomi MADANI, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera" akan dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Parlimen pada 18 Okt ini.

SINAR HARIAN

13 OKTOBER 2024

SINAR HARIAN | 14 BAKAT MUDA LANJUTKAN LATIHAN TVET DI CHINA

14 bakat muda lanjutkan latihan TVET di China



QURRATUL AINA QUDDUS

Follow

13 Oktober 2024 06:43pm

Masa membaca: 2 minit



14 pelajar bersama keluarga bergambar sebagai kenangan sebelum ke China.

SHAH ALAM - Seramai 14 bakat muda yang berkelulusan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 bidang Teknologi Automotif berangkat ke China bagi melanjutkan latihan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat Diploma Automotif Teknologi Pemeriksaan dan Penyelenggaraan.

Ketua Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (Belia Mahir) Mohammad Rizan Hassan berkata, ia turut memfokuskan kepada kemahiran kenderaan elektrik hibrid (HEV), kenderaan elektrik bateri (BEV), kenderaan elektrik hibrid plug-in (PHEV) dan sel bahan api kenderaan elektrik (FCEV).

Menurutnya, ia berikutan inisiatif Institut Malaysia-China (MCI) yang berperanan sebagai platform kerjasama antara dua negara untuk membangunkan TVET yang diilhamkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

“MCI digerakkan secara bersama oleh Belia Mahir, TANG International Education Group China dengan sokongan dan kerjasama institusi TVET serta industri dari China.

“Mereka akan menjalani latihan selama satu tahun secara sepenuh masa bertempat di Politeknik Tangshan Universiti, China dengan penajaan penuh serta elaun sara diri.

“Ini membuktikan kepada seluruh masyarakat bahawa pensijilan SKM mampu memberi jaminan masa hadapan yang gemilang termasuk lanjutan ke luar negara,” katanya.

Mohammad Rizan memaklumkan Belia Mahir berkeyakinan bahawa lebih ramai lagi bakat muda TVET tempatan bakal melanjutkan latihan di China pada tahun 2025 hingga 2026.

Ujarnya, ia berdasarkan seramai 1,776 pelajar yang menjalani latihan jangka masa pendek antara dua minggu hingga tiga bulan dalam program Latihan TVET Belia Malaysia-China (MCYTT).

“Program ini sudah berlangsung sejak Julai tahun lalu sehingga sekarang,” katanya.

METRO

16 OKTOBER 2024

MY METRO | KERJASAMA ERAT DALAM TVET, INDUSTRI HALAL PERKUKUH HUBUNGAN MALAYSIA-FILIPINA

Kerjasama erat dalam TVET, industri halal perkukuh hubungan Malaysia-Filipina - Ahmad Zahid

BERNAMA



FOTO Ihsan Facebook Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

Kuala Lumpur: Kerjasama erat dalam sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan industri halal akan memperkukuh hubungan strategik Malaysia-Filipina selain membawa manfaat besar kepada kedua-dua negara, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata dalam pertemuannya dengan pasukan Technical Education and Skills Development Authority (TESDA) di Filipina hari ini, kedua-dua pihak optimis dengan usaha penerokaan potensi TVET dan industri halal di negara itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata mereka sependapat bahawa pendidikan TVET sangat penting untuk memastikan generasi muda serta tenaga kerja sedia ada dilengkapi dengan kemahiran yang relevan dengan keperluan semasa pasaran kerja.

"Selain melahirkan bakat baharu, TVET juga dapat membantu proses *reskilling* dan *upskilling* tenaga kerja, sekali gus menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan.

"Pertemuan ini membuka peluang Malaysia dan Filipina berkongsi amalan terbaik, memperkukuh piawaian kurikulum dan saling mengiktiraf kelayakan akademik. Melalui pertukaran kepakaran dan program latihan bersama, kita dapat meningkatkan kemahiran rakyat dan merebut peluang baharu di pasaran global," katanya menerusi hantaran di Facebook hari ini.

Ahmad Zahid berkata pertemuan itu antara lain turut membincangkan tentang industri halal yang memfokuskan kepada kekuatan Malaysia dalam pensijilan halal di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Beliau yakin menerusi kerjasama dengan TESDA, Malaysia mampu membangunkan ekosistem halal global yang lebih kukuh di Filipina.

"Saya turut berbesar hati mengetahui bahawa eksport halal Malaysia ke Filipina meningkat sebanyak 7.4 peratus pada 2023. Filipina kini menjadi destinasi eksport halal Malaysia kelapan terbesar dunia dan keempat terbesar di ASEAN.

"Ini membuktikan hubungan perdagangan yang kukuh dan permintaan tinggi terhadap produk halal di rantau ini," katanya.

Disiarkan pada: Oktober 16, 2024 @ 2:30pm

BERITA HARIAN

18 OKTOBER 2024

BERITA HARIAN | BELANJAWAN 2025: PERUNTUKAN KPT DINAIKKAN KEPADA RM18 BILION

Belanjawan 2025: Peruntukan KPT dinaikkan kepada RM18 bilion

Oleh [Latifah Arifin](#) - Oktober 18, 2024 @ 6:12pm
latifah@bh.com.my



PTPTN menyediakan pembiayaan pendidikan berjumlah RM500 juta untuk memberi keutamaan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang STEM. - Foto BH/AHMAD UKASYAH

KUALA LUMPUR: Peruntukan keseluruhan Kementerian Pendidikan Tinggi dinaikkan kepada RM18 bilion, berbanding RM16.3 bilion sebelum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ini merangkumi manfaat untuk pelajar yang melanjutkan pengajian ke menara gading.

"Peruntukan keseluruhan RM4 bilion disediakan dalam bentuk biasiswa, pinjaman dan elaun pendidikan.

"Sesuai dengan tuntutan industri, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyediakan dana pembiayaan pendidikan berjumlah RM500 juta khusus untuk memberi keutamaan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) di institusi pengajian tinggi awam (IPTA)," katanya.

BERITA HARIAN

18 OKTOBER 2024

BERITA HARIAN | KPT DAPAT PERUNTUKAN RM18 BILION, 100,000 PELAJAR UA LAYAK BUKA AKAUN ASNB

KPT dapat peruntukan RM18 bilion, 100,000 pelajar UA layak buka akaun ASNB

Oleh Latifah Arifin - Oktober 18, 2024 @ 6:32pm
latifah@bh.com.my



Foto hiasan. Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Peruntukan keseluruhan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dinaikkan kepada RM18 bilion berbanding RM16.3 bilion pada Belanjawan 2024.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ia merangkumi manfaat untuk pelajar yang melanjutkan pengajian ke menara gading.

"Peruntukan keseluruhan RM4 bilion disediakan dalam bentuk biasiswa, pinjaman dan elaun pendidikan.

"Sesuai dengan tuntutan industri, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyediakan dana pembiayaan pendidikan berjumlah RM500 juta khusus untuk memberi keutamaan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) di institusi pengajian tinggi awam (IPTA)," katanya.

Selain itu, di bawah Ikhtiar Geran Padanan Ihsan (GAPAI), kerajaan bersetuju meluaskan kriteria pemberian geran padanan sehingga RM5,000 ke atas simpanan dalam akaun Simpan SSPN pelajar yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT).

Bagi tujuan itu, kriteria terdahulu iaitu membabitkan pelajar daripada keluarga berpendapatan sehingga RM4,000 dinaikkan kepada RM6,000, bagi tempoh dua tahun.

Antara lain, pelepasan kepada cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun, dilanjutkan-tahun ini kepada ibu bapa yang menjadi pendeposit SSPN.

Anwar berkata, antara manfaat lain untuk mahasiswa adalah pembukaan akaun Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) bernilai RM50 secara percuma.

Ia bakal memanfaatkan seramai 100,000 pelajar baharu yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) di bawah inisiatif dinamakan Program Celik MADANI yang akan dilaksanakan oleh Permodalan Nasional Berhad.

Sementara itu, Anwar turut mengumumkan pendidikan berkaitan kecerdasan buatan (AI) diperluas ke semua universiti penyelidikan dengan peruntukan RM50 juta.

Katanya, dana bagi tujuan itu meningkat RM30 juta berbanding RM20 juta diperuntukkan pada Belanjawan 2024.

"Universiti Malaya (UM) menumpukan AI bidang perubatan bagi menangkis penyakit maut seperti kanser, manakala Universiti Putra Malaysia akan menubuhkan Pusat Teknologi dan Pengurusan Kriptologi Malaysia dengan kerjasama Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) bagi menyusul AI pengkomputeran kuantum sebagai persiapan mendepani ancaman keselamatan siber serba rumit.

"Universiti Sains Malaysia (USM) menelusuri AI semikonduktor selari dengan status Malaysia sebagai hab semikonduktor dunia yang meningkatkan kerjasama termasuk dengan Intel dan Infineon," katanya.

Selain itu, Anwar berkata, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerajui AI alih bahasa dalam usaha mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

METRO

18 OKTOBER 2024

MY METRO | BELANJAWAN2025: GERAN PER KAPITA TVET DITINGKATKAN 15 PERATUS

Belanjawan2025: Geran per kapita TVET ditingkatkan 15 peratus

Sudirman Mohd Tahir
sudirman@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan. FOTO arkib NSTP

Kuala Lumpur: Kerajaan bersetuju kadar Geran Per Kapita (PCG) bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ditingkatkan sebanyak 15 peratus.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia menjadikan peruntukan keseluruhan PCG berjumlah lebih RM900 juta.

"Sejak 2002, sudah 22 tahun kadar PCG TVET tidak disemak semula. PCG adalah sumber kewangan utama sekolah dan kadar lama tidak lagi dapat menampung kos pembelajaran yang kian meningkat.

"Sekolah kurang murid di pedalaman pula bergantung kaedah PCG yang sama. Bermakna, kurang murid selama ini kurang dana.

"Kerajaan bersetuju kadar PCG bagi Pendidikan TVET ditingkatkan sebanyak 15 peratus menjadikan peruntukan keseluruhan PCG berjumlah lebih RM900 juta.

"Peruntukan khas RM10 juta disediakan sebagai Bantuan Persekolahan kepada semua 687 sekolah pedalaman," pada pembentangan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat, hari ini.

Menurutnya, kerajaan turut bersetuju Elaun Sara Hidup bagi siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Institut Pendidikan Guru ditingkatkan kepada RM530 sebulan berbanding RM430.

Terkini: Belanjawan 2025

Disiarkan pada: Oktober 18, 2024 @ 5:58pm

METRO

18 OKTOBER 2024

MY METRO | KERAJAAN TINGKATKAN PERUNTUKAN TVET KEPADA RM7.5 BILION

Kerajaan tingkatkan peruntukan TVET kepada RM7.5 bilion

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my



Kuala Lumpur: Kerajaan meningkatkan peruntukan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada RM7.5 bilion tahun hadapan berbanding RM6.8 bilion tahun ini selaras dengan Dasar TVET Negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, keutamaan diberikan untuk meningkatkan kerjasama dengan industri iaitu dengan menyediakan peluang latihan untuk belia rentan termasuk dari kelompok miskin bandar, terpinggir, pedalaman dan Orang Asli.

"Kerajaan mengalu-alukan kerjasama Proton melalui Proton Advanced Automotive Technology Institute di Melaka yang menyumbang kurikulum, bantuan tenaga pengajar serta keperluan latihan.

"Bagi menggalakkan kerjasama seumpama ini, geran padanan RM50 juta disediakan untuk lebih banyak industri mengikuti Program Anak Angkat ILKA," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Beliau berkata, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan menerajui pembangunan latihan kemahiran baharu untuk industri masing-masing seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk peralihan tenaga dan SD Guthrie (mekanisasi dan automasi perladangan).

"Syarikat akan diberikan potongan cukai atas peralatan dan mesin baharu yang disumbangkan kepada ILKA, politeknik atau kolej vokasional berdaftar mulai tahun taksiran 2025 hingga 2027.

"Majikan akan diberi kebenaran untuk menggunakan sehingga 50 peratus dana HRDCorp ketimbang 30 peratus pada masa ini bagi tujuan membiayai kemudahan latihan kemahiran termasuk kos peralatan dan ubah suai fasiliti Latihan," katanya.

Menurutnya, kolej vokasional dan sekolah menengah teknik terus menyediakan pendidikan kepada 77,000 orang pelajar dengan peruntukan RM1.2 bilion.

"Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) menyediakan pembiayaan sehingga RM500 juta untuk manfaat lebih 20,000 pelatih.

"Selain itu, RM100 juta khusus untuk bidang keutamaan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) seperti pembaikan dan baik pulih (MRO), kenderaan elektrik (EV), aeroangkasa serta kecerdasan buatan (AI)," katanya.

Disiarkan pada: Oktober 18, 2024 @ 6:25pm


BERNAMA

19 OKTOBER 2024

BERNAMA ONLINE | BELANJAWAN 2025: DANA TVET MENINGKAT KEPADA RM7.5 BILION

Belanjawan 2025: Dana TVET Meningkatkan Kepada RM7.5 Bilion

🕒 19/10/2024 02:21 AM



Gambar fail

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peningkatan peruntukan bagi bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada RM7.5 bilion berbanding RM6.8 bilion sebelum ini.

Anwar berkata keutamaan diberikan untuk meningkatkan kerjasama dengan industri, menyediakan peluang latihan untuk belia rentan termasuk kelompok miskin bandar, terpinggir, pedalaman dan Orang Asli.

Selain itu, beliau berkata peluang pendidikan dan latihan TVET akan dipertingkatkan menerusi peruntukan keseluruhan RM1.2 bilion kepada kolej vokasional dan sekolah menengah teknik yang menyediakan pendidikan kepada 77,000 pelajar.

"PTPK (Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran) menyediakan pembiayaan sehingga RM500 juta untuk manfaat lebih 20,000 pelatih termasuk RM100 juta khusus untuk bidang keutamaan New Industrial Master Plan (NIMP) seperti MRO (penyelenggaraan, pembaikan dan pengubahsuaian), EV (kenderaan elektrik), aeroangkasa dan AI (kecerdasan buatan)," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat hari ini.

Selain itu, Perdana Menteri turut mengumumkan bahawa HRDCorp akan memanfaatkan dana RM3 bilion untuk menawarkan tiga juta peluang latihan.

"Khazanah Nasional Berhad menyediakan RM200 juta melalui Program Pembangunan Belia Khazanah (K-Youth) bagi membekalkan 11,000 bakat tempatan kepada sektor utama seperti semikonduktor.

"GiatMARA dan kolej komuniti disediakan RM55 juta untuk mengupayakan 10,000 anak-anak huffaz dari institusi tahfiz dan pondok dengan latihan kemahiran dalam tempoh lima tahun. GiatMARA juga akan menyediakan latihan jangka pendek kepada lebih 3,000 pekerja gig," katanya.

Selain itu, Anwar berkata kerajaan mencadangkan potongan dua kali ke atas perbelanjaan syarikat yang melaksanakan Program Latihan Berstruktur (MySIP) di bawah Talent Corp turut diperluas kepada pelajar yang mengikuti latihan berstruktur oleh badan kawal selia industri dan dilanjutkan hingga tahun taksiran 2030.

Sementara itu, beliau berkata Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) akan membina sebuah Pusat Rehabilitasi yang serba canggih di Terengganu dengan kos hampir RM600 juta.

-- BERNAMA

BERNAMA

19 OKTOBER 2024

BERNAMA ONLINE | PENYEDIAAN DANA PEMBIAYAAN PENDIDIKAN STEM BANTU LAHIR GRADUAN BERKEBOLEHAN

Penyediaan Dana Pembiayaan Pendidikan Stem Bantu Lahir Graduan Berkebolehan

🕒 19/10/2024 08:53 PM



Datuk Seri Norliza Abdul Rahim

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Penyediaan dana pembiayaan pendidikan khusus kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah selaras dengan aspirasi kerajaan untuk melahirkan graduan berkebolehpasaran tinggi, sesuai dengan tuntutan industri.

Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Datuk Seri Norliza Abdul Rahim dalam kenyataan berkata inisiatif berkenaan menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai pelajar mengikuti bidang STEM, yang merupakan satu daripada elemen kritikal bagi memacu ke arah negara berteknologi tinggi menjelang 2030.

Beliau berkata inisiatif itu yang merupakan antara perkara diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan dalam Belanjawan 2025 semalam, disambut baik oleh PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Dalam belanjawan itu, katanya Anwar bukan sahaja telah memberikan pelbagai insentif merangkumi pembiayaan pendidikan PTPTN, tetapi juga akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN).

"Dalam usaha kerajaan menggalakkan penabungan untuk tujuan pendidikan tinggi anak-anak, kerajaan juga bersetuju agar insentif pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan dalam Simpan SSPN dilanjutkan hingga tahun taksiran 2027.

"Malah menerusi inisiatif ikhtiar Geran Padanan Ihsan (GAPAI) kerajaan juga bersetuju memperluas kriteria pemberian geran padanan sehingga RM5,000 atas simpanan pelajar yang melanjutkan pengajian di institusi pendidikan tinggi kepada keluarga berpendapatan sehingga RM6,000 berbanding hanya RM4,000 sebelum ini.

Sehubungan itu, katanya PTPTN amat berharap masyarakat Malaysia terus menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama untuk membuat simpanan bagi tujuan pendidikan tinggi selaras dengan usaha kerajaan memberikan manfaat penabungan melalui insentif Belanjawan 2025.

“Masyarakat Malaysia amat bertuah kerana mempunyai kerajaan MADANI yang amat prihatin dalam menyediakan keperluan masyarakat terutamanya dari aspek bantuan kewangan bagi persediaan anak-anak untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi demi masa depan yang lebih cemerlang,” katanya.

Anwar dalam pembentangan Belanjawan 2025 semalam antara lain mengumumkan peruntukan sebanyak RM500 juta dana pembiayaan pendidikan PTPTN khusus untuk pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang STEM di IPTA.

Selain itu, pelepasan cukai individu ke atas simpanan bersih dalam Simpan SSPN dilanjutkan untuk tempoh tiga tahun dan peluasan kriteria pemberian Geran Sepadan Simpan SSPN melalui ikhtiar GAPAI.

Dalam usaha kerajaan menggalakkan penabungan untuk tujuan pendidikan tinggi anak-anak, kerajaan bersetuju agar insentif pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan dalam Simpan SSPN dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2027.

-- BERNAMA

BERNAMA

19 OKTOBER 2024

BERNAMA ONLINE | KEPENGERUSIAN ASEAN 2025: MALAYSIA AKAN ANJUR PERTANDINGAN TVET

Kepengerusian ASEAN 2025: Malaysia Akan Anjur Pertandingan TVET – Hannah

🕒 19/10/2024 01:21 PM



Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh (dua, kanan) menyampaikan anugerah graduan terbaik kepada Nik Nor Atikah Mohd Nasir (kanan) pada Majlis Konvokesyen Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan ke-19 di Bangi Avenue Convention Center hari ini. Turut sama Timbalan Pengarah Kemahiran Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia dan Sukan Zakiah Mat Jali (dua, kiri). --fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

BANGI, 19 Okt (Bernama) -- Malaysia akan menganjurkan pertandingan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sempena Kepengerusian ASEAN tahun depan, kata Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh.

Beliau berkata Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengusulkannya kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Pengerusi Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara, dan ia telah dipersetujui.

Hannah berkata cadangan itu dibuat selepas beliau melihat kejayaan beberapa penuntut Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) yang mewakili negara di WorldSkills Competition 2024 di Lyon, Perancis pada September lepas selain pencapaian cemerlang di World Skills ASEAN Singapore 2023, WorldSkills Asia Abu Dhabi 2023 dan pertandingan WorldSkills Malaysia Belia 2023.

"Disebabkan pencapaian sebeginilah, saya telah mengusulkan supaya diadakan pertandingan TVET sebagai salah satu aktiviti di bawah Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2025," katanya pada sidang media selepas Majlis Konvokesyen ILKBS ke-19 di Pusat Konvensyen Bangi Avenue di sini hari ini.

Beliau berkata KBS juga akan terus memperluas penyampaian TVET melalui TVET Sukan dengan menawarkan beberapa kursus baharu seperti Kursus Pembinaan dan Penyelenggaraan Fasiliti Sukan, Permotoran Sukan (empat roda dan dua roda), dan Fotografi Sukan.

"KBS sudah meneliti kursus TVET berbentuk sukan yang boleh kita latih.. Kemahiran TVET yang ditawarkan mampu membantu anak-anak muda kita menjana pendapatan dengan cepat kerana ia amat diperlukan dalam pasaran pekerjaan," katanya.

Sementara itu Hannah berkata KBS telah mengambil langkah melaksanakan kerjasama strategik TVET dan Ekonomi Gig, bertujuan mengalakkan kerjasama pemain industri gig untuk terlibat dalam pembangunan kemahiran pelajar ILKBS dan belia massa.

Beliau berkata 3,000 belia disasarkan terlibat dalam sektor ekonomi gig dan diberikan latihan melalui program Rakan Mahir: Skills For Life – TVET Gig, manakala 2,000 pelajar kemahiran diberi pendedahan tentang ekonomi gig.

"Apa yang menjadi kebanggaan saya ialah kadar kebolehpasaran graduan TVET KBS adalah 95.92 peratus pada tahun 2023. Purata pendapatan mereka adalah RM2,019," katanya.

-- BERNAMA

BERITA HARIAN

20 OKTOBER 2024

BERITA HARIAN | POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI AKAN TAWAR KURSUS JANGKA PENDEK TEKNOLOGI AI, IOT DAN ROBOTIK

Politeknik, Kolej Komuniti akan tawar kursus jangka pendek teknologi AI, IoT dan robotik

Oleh RoselanAb Malek - Oktober 20, 2024 @ 8:54am
bhnews@bh.com.my



Mohd Zahari (bertopi) melawat Aquaria di Kolej Komuniti Jerantut. - Foto ROSELAN AB MALEK

JERANTUT: Penguasaan teknologi kecerdasan buatan (AI) , Internet Pelbagai Benda (IoT), keselamatan siber dan robotik menjadi fokus utama bagi memenuhi Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di kolej komuniti di seluruh negara.

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Datuk Dr Mohd Zahari Ismail berkata, langkah itu diambil dalam usaha memastikan kursus yang ditawarkan lebih relevan mengikut peredaran masa.

"Kita akan mengkaji serta menyesuaikan semula kursus sedia ada dengan kursus baharu yang lebih 'trending' bagi menarik lebih ramai golongan muda memasuki Kolej Komuniti.

"Namun begitu pada dasarnya kita akan meneruskan kursus sedia ada yang sesuai bagi mematuhi keperluan masyarakat setempat di Kolej Komuniti.

"Sebagai contoh di Jerantut kita menyediakan kursus teknologi akuakultur dan teknologi pemprosesan makanan sesuai dengan komuniti setempat di sini," katanya selepas merasmikan Aquaria Kolej Komuniti Jerantut di sini.

Hadir sama Pengarah Kolej Komuniti Jerantut, Azad Muslim Muhammad.

Aquaria pertama itu mempamerkan pelbagai jenis ikan sungai, paya dan ikan hiasan untuk aktiviti pembelajaran pelajar dan kunjungan orang ramai.

Mohd Zahari berkata, daerah Jerantut, Temerloh dan Lipis adalah pusat pengeluaran ikan patin sangkar utama di Pahang dan kursus teknologi akuakultur dapat memenuhi keperluan industri perikanan tempatan malah ramai bekas pelajar kolej itu turut serta mengusahakannya.

Mengulas peratusan pelajar baharu yang mendaftar di 105 kolej komuniti di seluruh negara, Dr Mohd Zahari berkata, faktor lokasi dan ekonomi setempat menyebabkan ada yang kurang berminat meneruskan pembelajaran.

"Di setengah tempat didapati anak muda lebih berminat bekerja sementara untuk mendapat duit dengan cepat dan ada juga yang lebih suka menjadi penghantar barangan atau makanan, atau menjual burger," katanya.

"Kolej komuniti ini sebenarnya memberi peluang kepada remaja dan belia meneruskan minat dengan mengikuti kursus jangka pendek selaras dengan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang diperkenalkan untuk menggalakkan orang ramai mencari ilmu berterusan," katanya.

Mohd Zahari berkata, setiap tahun, program PSH di 36 politeknik dan 105 kolej komuniti menarik minat hampir 200,000 remaja dan belia mengikut pelbagai kursus ditawarkan.

METRO

20 OKTOBER 2024

MY METRO | KKDW LULUS RM24 JUTA WUJUD UNIVERSITI TVET

KKDW lulus RM24 juta wujud Universiti TVET

Baharom Bakar
am@hmetro.com.my



Ahmad Razif (tiga dari kiri) menyampaikan anugerah dan surat pelantikan sebagai ikon kepada Nor Hidayah (dua dari kanan). FOTO BAHAROM BAKAR

Kuala Terengganu: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) meluluskan peruntukan sebanyak RM24 juta untuk projek pembangunan dan menyediakan pelbagai kemudahan yang berkaitan dengan program TVET.

Pengerusi Kolej Ketengah, Datuk Seri Dr Ahmad Razif Abd Rahman berkata, tender untuk projek menyediakan kemudahan termasuk bangunan akan dikeluarkan selewat-lewatnya Disember depan.

Katanya, matlamat kerajaan untuk mewujudkan Universiti TVET akan menjadi kenyataan selepas pelbagai kemudahan termasuk bangunan siap dilaksanakan.

Turut hadir, Timbalan Pengurus Besar Ketengah (Operasi), Ahmad Fakaruddin Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Ketengah, Mohd Razali Mahmud.

Pada majlis itu, qariah antarabangsa, Nor Hidayah Abdul Rahman dilantik sebagai ikon Kolej Ketengah.

Mengulas lanjut, Ahmad Razif yang juga bekas Menteri Besar berkata, universiti itu juga akan turut memberi penekanan kepada bidang pengajian Tahfiz al-Quran seperti disarankan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Disiarkan pada: Oktober 20, 2024 @ 2:52pm

BERNAMA

20 OKTOBER 2024

BERNAMA ONLINE | BELANJAWAN 2025 PERKUKUH PEMBANGUNAN TVET, TINGKAT KERJASAMA SEKTOR SWASTA

Belanjawan 2025 Perkukuh Pembangunan TVET, Tingkat Kerjasama Sektor Swasta

🕒 20/10/2024 04:27 PM



Kredit: Datuk P. Sri Ganes

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Belanjawan 2025 dilihat sebagai satu komitmen jelas kerajaan untuk memperkukuh pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal serta Vokasional (TVET) dan teknologi, bertujuan memastikan tenaga kerja di negara ini bersedia menghadapi cabaran industri masa depan, kata Presiden Yayasan Mahir Malaysia Datuk P. Sri Ganes.

Beliau berkata langkah kerajaan menyediakan geran padanan sebanyak RM50 juta untuk industri yang menyertai program Anak Angkat Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) adalah satu inisiatif bijak yang boleh menarik lebih banyak penyertaan sektor swasta dalam pendidikan dan latihan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa inisiatif seumpama itu perlu diperluas bagi mencapai hasil yang lebih besar dan impak yang lebih mendalam terhadap pembangunan tenaga kerja.

"Saya berharap sektor swasta bukan sahaja bertindak sebagai rakan kongsi, tetapi juga mengambil peranan utama dalam merangka kurikulum, menyediakan kemudahan latihan, serta membantu membimbing graduan TVET agar lebih bersedia untuk memasuki pasaran pekerjaan," katanya dalam kenyataan kepada Bernama.

Sri Ganes menjelaskan usaha seumpama itu akan memastikan hasil yang lebih berkesan dalam mengurangkan jurang antara sistem pendidikan dan keperluan industri, sekali gus memacu pembangunan tenaga kerja negara yang lebih berdaya saing.

Dalam Belanjawan 2025 yang dibentangkan pada Jumaat, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan mengumumkan peruntukan untuk TVET akan dinaikkan kepada RM7.5 bilion daripada RM6.8 bilion.

Langkah berkenaan selaras dengan Dasar TVET Negara yang menetapkan aspirasi dan hala tuju kerajaan untuk memastikan penyelarasan pelaksanaan secara holistik bermula tahun ini hingga 2030.

Mengulas lanjut mengenai Belanjawan 2025, Sri Ganes berpendapat peruntukan yang lebih besar wajar difokuskan kepada intervensi langsung melalui kerjasama awam swasta (PPP) yang lebih mendalam.

"Intervensi ini akan memacu hasil yang lebih jelas dan ketara, seperti peningkatan kebolehpasaran pekerja dan pembangunan kemahiran yang relevan dengan sektor teknologi dan inovasi tinggi," katanya.

Sri Ganes berkata kerajaan perlu memberikan lebih banyak tumpuan kepada kerjasama PPP yang proaktif dalam usaha membangunkan bakat dan teknologi, dengan mengurangkan peruntukan yang terlalu besar kepada perbelanjaan operasi yang kurang berimpak.

"Dengan pendekatan ini, kita dapat memastikan belanjawan bukan sekadar menguruskan aspek penyelenggaraan, tetapi juga menjadi pemangkin kepada perubahan yang lebih luas dan bermakna dalam ekonomi serta pembangunan modal insan negara," katanya.

-- BERNAMA

METRO

21 OKTOBER 2024

MY METRO | RUANG LUAS PERKASA TVET

Ruang luas perkasa TVET

Suliat Asri
suliat@hmetro.com.my



ROBOTIK antara bidang TVET yang semakin diminati pelajar.

Belanjawan 2025 yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim Jumaat lalu nyata memanfaatkan pemain industri dan dunia pendidikan negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Profesor Ir Dr Azman Senin turut menyambut baik pertambahan peruntukan sebanyak 10 peratus yang membawa kepada sejumlah RM7.5 bilion berbanding tahun lalu di bawah inisiatif pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Menurutnya, pertambahan itu selaras dengan Dasar TVET Negara 2030 yang dilancarkan pada Jun lalu dalam menjayakan visi dasar berkenaan iaitu ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara maju yang berpaksikan modal insan berkemahiran.

"Keutamaan pada pengumuman belanjawan kali ini dilihat menekankan peningkatan kerjasama dengan industri, penyediaan peluang latihan untuk belia rentan termasuk dari kelompok miskin bandar, terpinggir, pedalaman dan Orang Asli serta membawa khidmat TVET bagi manfaat masyarakat.

Disyorkan

"Ini dilihat sebagai inisiatif terbaik dalam usaha untuk memperkasakan TVET khususnya kepada masyarakat dapat dipergiat terutamanya dalam mengubah persepsi masyarakat bahawa TVET bukan lagi pilihan kedua malah pilihan utama kerjaya," katanya.

Mengulas lanjut Dr Azman menekankan, kepentingan dalam mempertingkatkan kerjasama dengan industri yang turut tersenarai dalam keutamaan belanjawan kali ini yang mana penyelarasan kurikulum dapat ditetapkan dengan penghantaran pelajar ke industri bagi melaksanakan pembelajaran berasaskan kerja (WBL).

"Selaku institusi penyedia latihan TVET aras tinggi (HTVET), UniKL turut menyokong usaha kerajaan dalam mempertingkatkan peluang pendidikan dan latihan TVET terutamanya kepada kolej vokasional dan sekolah menengah teknik dengan penyediaan pendidikan kepada 77,000 pelajar.

"Pelajar ini kelak akan dapat menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta.

"Di UniKL, kami turut menyediakan laluan pendidikan bagi mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dengan kemudahan-kemudahan seperti Program Artikulasi, Micro-Credential dan Pembelajaran berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL)," katanya.

Selaras dengan Dasar TVET Negara, tahun ini kerajaan menerusi pembentangan Belanjawan 2025 meningkatkan peruntukan TVET kepada RM7.5 bilion berbanding RM6.8 bilion.

Keutamaan diberikan untuk meningkatkan kerjasama dengan industri, menyediakan peluang latihan untuk belia rentan termasuk dari kelompok miskin bandar, terpinggir, pedalaman dan Orang Asli selain membawa khidmat TVET bagi manfaat masyarakat.

Peluang pendidikan dan latihan TVET juga turut dipertingkatkan. Ini termasuk dana pendidikan sebanyak RM1.2 bilion kepada 77,000 pelajar kolej vokasional dan sekolah menengah teknik.

Bukan itu saja, menerusi Belanjawan 2025 itu, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) menyediakan pembiayaan sehingga RM500 juta untuk manfaat lebih 20,000 pelatih termasuk RM100 juta khusus untuk bidang keutamaan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) seperti penyelenggaraan, pembaikan dan pengubahsuaian (MRO), kereta elektrik (EV), aeroangkasa dan kecerdasan buatan (AI).

GiatMARA dan kolej komuniti pula disediakan sebanyak RM55 juta bagi lima tahun untuk mengupaya 10,000 anak-anak huffaz dari institusi tahfiz dan pondok dengan latihan kemahiran. GiatMARA juga akan menyediakan latihan jangka pendek kepada lebih 3,000 pekerja gig.

Selain itu, kerajaan juga bersetuju kadar Geran Per Kapita (PCG) bagi TVET ditingkatkan sebanyak 15 peratus sekali gus menjadikan peruntukan keseluruhan PCG berjumlah lebih RM900 juta.

Menurut Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Muadzam Shah, Mohd Rizal Azman Rifin pula, beliau turut menyambut baik Geran Per Kapita (PCG) bagi TVET yang ditingkatkan sebanyak 15 peratus.

Menurutnya, kenaikan PCG untuk pendidikan TVET kepada 15 peratus adalah insentif terbaik dalam merangsang perkembangan pendidikan TVET ke arah arus perdana.

Katanya, ini sekali gus akan menyuntik semangat pelajar untuk jadikan aliran TVET sebagai pilihan pembelajaran.

"Penyaluran suntikan bajet itu seharusnya mampu mengutuhkannya pendidikan TVET.

"Misalnya, sistem pengajian politeknik Malaysia wajar diberikan satu peruntukan khusus yang besar kerana politeknik Malaysia mempunyai Kampus yang banyak di setiap negeri.

"Begitu juga dengan penambahbaikan prasarana pendidikan TVET mesti seiring dengan perkembangan semasa berdasarkan keperluan sektor industri," katanya.

Sementara itu, Pengarah Politeknik Merlimau Melaka (PMM) Norizam Sekak berkata, TVET memperoleh peruntukan besar kerana peranan penting bidang ini sebagai salah satu pemangkin untuk membangunkan bakat berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan ekonomi dan mencapai matlamat negara makmur, inklusif dan mampan.

Menurutnya, peningkatan dalam peruntukan TVET seperti mana yang diumumkan pada Belanjawan 2025 itu amat penting dan kritikal bagi memperkasa bidang TVET secara keseluruhan di negara ini.

[09:49, 10/24/2024] Fatin Diyanah 2: "Masyarakat luar bandar khususnya perlu diberi perhatian bagi meningkatkan kesedaran dan kepentingan bidang TVET dalam memacu negara ke arah globalisasi disamping menyediakan tenaga pekerja separa mahir dalam memenuhi keperluan dan permintaan industri khususnya.

"Penggunaan teknologi seperti AI, Digital TVET memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan kerajaan sudah mengorak langkah awal melalui pemerkasaan TVET," katanya.

Norizam berkata sistem pendidikan yang sedia ada juga perlu dinaiktaraf melalui pengenalan digital TVET termasuk peralatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) seiring dengan kurikulum, silibus semasa dan permintaan industri secara global.

"Peningkatan peruntukan juga secara langsung akan digunakan bagi menambah nilai kepakaran, kemahiran yang sedia ada bagi tenaga pengajar, pelajar dan masyarakat setempat," katanya.

Sementara itu, Setiausaha agung Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (BELIA MAHIR), Rizan Hassan berkata, Belanjawan 2025 dilihat memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan tenaga kerja negara.

Katanya, Belanjawan 2025 itu juga disifatkan kesungguhan Kerajaan melabur dalam bidang TVET yang mampu meningkatkan modal insan, meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kekal berdaya saing dalam pasaran global.

"Dengan peruntukan yang besar, program TVET akan dapat menyediakan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan praktikal yang relevan secara langsung dengan keperluan industri.

"Kerajaan juga boleh melengkapkan individu dengan kepakaran teknikal yang diperlukan untuk mengisi peranan dalam permintaan dan menyokong sektor utama ekonomi menerusi peruntukan itu.

"Tumpuan kepada latihan TVET ini bukan sahaja memperkasakan individu yang mempunyai kemahiran yang boleh diambil bekerja tetapi juga mengukuhkan kapasiti tenaga kerja secara keseluruhan," katanya.

BERITA HARIAN

23 OKTOBER 2024

BERITA HARIAN|SKMM DIMINTA TURUN PADANG PERIKSA LIPUTAN INTERNET DI IPTA

SKMM diminta turun padang periksa liputan internet di IPTA

Oleh Norzamira Che Noh - Oktober 23, 2024 @ 6:13pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berucap pada Program Syarahan Menteri: Literasi Keselamatan Dalam Talian di UiTM Shah Alam. - Foto NSTP/Faiz Anuar

Mengoptimumkan peruntukan belanjawan untuk latihan TVET, pembangunan bakat dan inisiatif tenaga kerja berkemahiran tinggi memerlukan pendekatan pelbagai aspek.

Justeru, Rizan berkata Kerajaan perlu bekerjasama dengan rakan kongsi industri, institusi pendidikan dan penyedia latihan untuk mereka bentuk program berkesan yang memenuhi keperluan pasaran buruh yang semakin berkembang.

Disiarkan pada: Oktober 21, 2024 @ 7:00am

SHAH ALAM: Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) diminta untuk menjalankan 'walk test', iaitu pemeriksaan liputan internet di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara.

Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil berkata, sebelum ini terdapat kekangan untuk memasuki premis IPTA kecuali dijemput oleh pihak pengurusan.

"Sekarang kita dapat bantuan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) supaya SKMM lebih mudah untuk masuk dan lakukan pengesahan capaian internet.

"Arahan terbaru saya adalah kita kena lakukan 'walk test' yang mana pergi ke setiap bilik kuliah, dorm, kolej kediaman dengan membawa peralatan untuk dapatkan pengesahan status capaian internet di lokasi berkenaan," katanya pemberita selepas pada Majlis Syarahan Menteri Universiti Teknologi Mara (UiTM), hari ini.

Beliau berkata, tambahan kepada itu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada belanjawan baru-baru ini mengumumkan sejumlah dana bagi membantu universiti awam untuk meningkatkan capaian internet di 'indoor mobile', 'outdoor mobile' dan Wifi.

Anwar ketika pembentangan Belanjawan 2025 yang lalu telah mengumumkan peruntukan RM120 juta bagi menambah baik liputan internet di kesemua IPTA.

SINAR HARIAN

27 OKTOBER 2024

SINAR HARIAN | ENAM KERETA ELEKTRIK CHINA DIAGIH KE INSTITUSI TVET

Enam kereta elektrik China diagih ke institusi TVET – Zahid

27 Oktober 2024 07:58pm

Masa membaca: 2 minit



Ahmad Zahid ketika berucap pada majlis sambutan Deepavali peringkat Parlimen Bagan Datuk di Kompleks UMNO, Bagan Datuk hari ini. - Foto: Bernama

BAGAN DATUK - Sebanyak enam kereta elektrik dari China akan diagihkan kepada institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia untuk dijadikan bahan pembelajaran amali pelajar institusi terlibat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara berkata, kereta berkenaan merupakan hadiah daripada Beifang Automotive Education Group kepada Malaysia.

"Kami merancang untuk mengagihkan masing-masing satu kenderaan elektrik (EV) ini kepada Automotive Center Institusi Kemahiran Tinggi Perda di Pulau Pinang dan Pusat Kecemerlangan Teknikal Sarawak (CENTEXS) di Sarawak.

"Empat lagi kita akan agihkan kepada institusi TVET di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) termasuk GiatMARA, IKM (Institut Kemahiran MARA) dan beberapa yang lain," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Santunan Kasih Deepavali di Kompleks UMNO Bagan Datuk di sini hari ini.

Ahmad Zahid berkata, inisiatif berkenaan bertujuan membolehkan pelajar mendapat pendedahan teknologi baharu kenderaan elektrik yang semakin mendapat tempat dalam industri automatif, selain pendidikan berkaitan kenderaan konvensional.

Selain itu, Ahmad Zahid berkata lebih 100 tenaga pengajar di negara ini telah dihantar ke China untuk mengikuti kursus automotif terbabit.

"Tempoh bagi kesemua tenaga pengajar yang menghadiri kursus berhubung automotif itu adalah antara tiga hingga enam bulan sahaja kerana ia bidang yang telah pun dipelajari mereka," katanya.

Ahmad Zahid berkata menerusi penambahan peruntukan TVET pada Belanjawan 2025 baru-baru ini, pihaknya akan berbincang dengan Beifang untuk menambah jumlah pelajar daripada pelbagai kaum di negara ini, mengikuti latihan di institusi itu.

BERNAMA

27 OKTOBER 2024

BERNAMA ONLINE | ANAK PENGAWAL KESELAMATAN PENERIMA ANUGERAH DIRAJA PTSS

Anak Pengawal Keselamatan Penerima Anugerah Diraja PTSS

🕒 27/10/2024 07:40 PM



Lok Mee Wan bersama ibunya selepas sidang pertama Majlis Konvokesyen Kali Ke-16 PTSS manakala bapanya tidak dapat menghadiri konvokesyen itu hari ini kerana perlu bekerja.

ARAU, 27 Okt (Bernama)-- Berbekalkan harapan untuk mengubah nasib keluarga menjadi antara pendorong kepada anak pengawal keselamatan, Lok Mee Wan berjaya menerima Anugerah Diraja pada sidang pertama Majlis Konvokesyen Kali Ke-16 Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) di sini hari ini.

Mee Wan, 22, graduan Diploma Pengurusan Pelancongan yang berasal dari Kamunting, Perak itu turut menerima Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum serta Anugerah Pengarah pada majlis konvokesyen yang dihadiri Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis Tuanku Dr Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Beliau berkata bapanya Lok Tart Chon, 59, yang bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah syarikat swasta di Kamunting dan ibunya S. Kanagawaly, 64, menjadi pembakar semangat kepadanya untuk komited belajar bagi mencapai kejayaan.

"Pengajiandalam bidang ini ada enam semester dan semua semester saya dapat keputusan pointer dekan. Saya juga mempunyai tekad sendiri untuk berjaya dalam hidup," katanya kepada pemberita selepas sidang pertama majlis konvokesyen itu di Dewan Harumanis PTSS di sini hari ini.

Anak kedua daripada dua beradik dan fasih berbahasa Melayu, Tamil, Mandarin dan Inggeris itu berkata beliau mempunyai minat dalam bidang pelancongan serta media dan komunikasi dengan menaruh impian untuk bergelar wartawan penyiaran mahupun penyampai berita pada masa depan.

"Walaupun saya belajar dalam bidang pelancongan di PTSS tetapi di PTSS tiada had atau tak menghalang pelajar menceburkan diri dalam bidang lain yang mana saya pernah menjadi Penerbit Berita bagi Kelab Berita Poli TV News di PTSS selama tiga semester," katanya.

Mee Wan yang kini bekerja sebagai Guest Service Experience, Front Office di sebuah hotel mewah di Langkawi berkata pencapaian tertinggi beliau dalam bidang media dan komunikasi ialah meraih gelaran juara untuk pertandingan English Newscasting Online menerusi BudiDarma English Festival 2021 (BUDAEFEST) anjuran Universitas Budi Darma di Medan, Indonesia pada 2021.

“Pertandingan ini disertai Malaysia, Indonesia dan Thailand. Saya memang minat menonton berita dan membaca surat khabar sejak kecil lagi. Saya juga mendapat tempat kedua dalam Ikon Siarawan bagi dua tahun berturut-turut pada 2021 dan 2022,” katanya.

Mee Wan yang pada masa ini turut membuat perniagaan kecil-kecilan mengait benang itu berkata beliau optimis dengan keupayaan menguasai kemahiran dalam bidang pelancongan serta media dan komunikasi memberikannya kelebihan untuk mengharungi cabaran masa depan.

Tuanku Syed Faizuddin Putra berangkat ke majlis konvokesyen itu bagi mewakili Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

Majlis konvokesyen yang berlangsung sebanyak tiga sidang itu bermula hari ini hingga Selasa ini meraikan 1,155 graduan lulusan diploma, asasi dan sijil dalam pelbagai jurusan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang tamat pengajian bagi tahun lepas dan tahun ini.

-- BERNAMA

BERNAMA

27 OKTOBER 2024

BERNAMA ONLINE | TVET PENTING PENUHI KEPERLUAN PASARAN KERJA

TVET Penting Penuhi Keperluan Pasaran Kerja – Raja Perlis

🕒 27/10/2024 04:31 PM



ARAU, 27 Okt (Bernama) -- Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail bertitah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan amat penting bagi memenuhi keperluan pasaran kerja dalam era yang pesat berkembang.

Baginda bertitah TVET bukan sekadar melahirkan pekerja mahir dalam pelbagai bidang teknikal malah ia juga memberikan penekanan kepada pembangunan kemahiran praktikal yang penting sekali gus menyumbang kepada produktiviti dan inovasi.

"Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) antara institusi TVET yang memberikan tumpuan kepada perkembangan kemahiran teknikal dan profesional yang merupakan landasan bagi kecemerlangan ekonomi negara.

ARAU, 27 Okt (Bernama) -- Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail bertitah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan amat penting bagi memenuhi keperluan pasaran kerja dalam era yang pesat berkembang.

Baginda bertitah TVET bukan sekadar melahirkan pekerja mahir dalam pelbagai bidang teknikal malah ia juga memberikan penekanan kepada pembangunan kemahiran praktikal yang penting sekali gus menyumbang kepada produktiviti dan inovasi.

"Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) antara institusi TVET yang memberikan tumpuan kepada perkembangan kemahiran teknikal dan profesional yang merupakan landasan bagi kecemerlangan ekonomi negara.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah TVET turut membuka peluang kerjaya kepada golongan muda yang mungkin tidak memilih laluan pendidikan akademik secara tradisional.

"Hal ini dapat memberikan lebih banyak peluang serta mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan belia. Tahniah diucapkan kepada pihak PTSS yang telah memainkan peranan besar dalam membekalkan graduan berkualiti ini.

"Graduan keluaran politeknik amnya dan PTSS khasnya ialah tulang belakang kepada kemajuan negara dalam pelbagai bidang teknikal. Sebagai graduan TVET, saudara saudari adalah individu yang amat berbeza dan berharga dalam dunia pekerjaan," titah baginda.

Raja Perlis bertitah dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh di PTSS, graduan bukan sahaja dilatih untuk menjadi pekerja yang mahir malah menjadi pencipta, usahawan dan pemimpin dalam industri masing-masing.

"Ilmu telah dicurah, kemahiran telah diberi, dan kini menjadi tanggungjawab para graduan sekalian untuk membawa perubahan kepada negara.

"Saya juga menyeru kepada semua yang berada di dewan ini untuk sama-sama kita menyemarakkan budaya ilmu bagi memartabatkan institusi pendidikan, khususnya di negeri Perlis," titah baginda.

Majlis konvokesyen yang berlangsung sebanyak tiga sidang itu bermula hari ini hingga Selasa, meraikan 1,155 graduan lulusan diploma, asasi dan sijil dalam pelbagai jurusan TVET yang tamat pengajian bagi tahun lepas dan tahun ini.

Pada sidang pertama majlis konvokesyen itu, Raja Muda Perlis berkenan menyampaikan Anugerah Anumerta kepada waris Muhammad Zarif Aidy Mohamad Zahir graduan Diploma Kejuruteraan Mekanikal yang meninggal dunia pada 18 Mei lalu akibat nahas jalan raya.

Selain itu, Tuanku Syed Faizuddin Putra turut berkenan menyampaikan Anugerah Diraja kepada graduan Diploma Pengurusan Pelancongan Lok Mee Wan.

-- BERNAMA

BERNAMA

28 OKTOBER 2024

BERNAMA ONLINE | BAUCAR BUKU FASA KEDUA PELAJAR IPT BERMULA 30 OKTOBER

Baucar Buku Fasa Kedua Pelajar IPT Bermula 30 Oktober

🕒 28/10/2024 06:06 PM



--fotoBERNAMA

PUTRAJAYA, 28 Okt (Bernama) -- Pelaksanaan fasa kedua inisiatif baucar buku bernilai RM100 kepada para pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bermula 30 Oktober hingga 31 Disember ini akan memanfaatkan lebih sejuta pelajar.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam kenyataan hari ini memaklumkan penyaluran baucar akan dilaksanakan melalui pelantar digital kepada pelajar IPT yang berdaftar di bawah KPT dan berstatus aktif sehingga 31 Mac 2024.

Kod baucar akan dijana setelah semakan kelayakan dibuat di portal MySISWAPLACE di pautan <https://mysiswaplace.my> bermula 30 Oktober ini.

KPT berkata penebusan kod baucar yang terjana di portal hanya sah digunakan untuk pembelian buku di portal MySISWAPLACE sahaja dengan setiap pelajar layak menebus baucar berjumlah RM100.

Portal MySISWAPLACE di bawah kendalian Yayasan Perkasa Siswa (YPS) yang merupakan agensi rasmi di bawah KPT adalah untuk memudahkan urusan para pelajar menggunakannya sepanjang inisiatif berkenaan.

Perasmian MySISWAPLACE akan disempunakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir esok.

MySISWAPLACE membantu pelajar dengan menyediakan akses mudah dan cepat kepada bahan bacaan melalui pelantar atas talian yang dilengkapi dengan sistem yang telus bagi memastikan pelajar sentiasa mempunyai bahan rujukan yang diperlukan, memaksimumkan keberkesanan pembelajaran dan mengurangkan kesulitan.

KPT berharap inisiatif ini dapat membantu menerapkan budaya cintakan ilmu dan buku, sekali gus dapat memugar budaya membaca dalam kalangan pelajar IPT serta bakal merancakkan lagi industri buku akademik dan wacana ilmiah tempatan.

-- BERNAMA

BERNAMA

30 OKTOBER 2024

BERNAMA ONLINE | PELAJAR IPT BOLEH MOHON BAUCAR BUKU RM100 BERMULA HARI INI

Pelajar IPT Boleh Mohon Baucar Buku RM100 Bermula Hari Ini

🕒 30/10/2024 12:28 PM



KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) boleh membuat permohonan baucar buku fasa kedua bernilai RM100 bermula hari ini hingga 31 Dis.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menerusi perkongsian di Facebook memaklumkan permohonan itu dibuka mulai 10 pagi ini.

"Berita baik untuk semua pelajar IPT, anda layak untuk menebus baucar buku di laman MySISWAPLACE," menurut hantaran itu.

Pada Isnin lepas, KPT dalam kenyataan memaklumkan fasa kedua inisiatif itu akan memanfaatkan lebih sejuta pelajar, dengan penyaluran baucar akan dilaksanakan melalui pelantar digital kepada pelajar IPT yang berdaftar di bawah KPT dan berstatus aktif hingga 31 Mac 2024.

Kod baucar akan dijana setelah semakan kelayakan dibuat di portal MySISWAPLACE menerusi pautan <https://mysiswaplace.my> bermula 30 Okt.

Portal MySISWAPLACE di bawah kendalian Yayasan Perkasa Siswa yang merupakan agensi rasmi di bawah KPT adalah untuk memudahkan urusan para pelajar menggunakannya sepanjang inisiatif berkenaan.

-- BERNAMA